

APLIKASI MODUL MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR YANG MENGALAMI AUTISME TIDAK BERTUTUR

Noratiqah Satari^a, Ummi Kalsum Mohamad^b, Hasnah Toran^c, Suziyani Mohamed^d

^{ab}*Makmal Pembelajaran Autisme, UKM.*

^{cd}*Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.*

E-mail : atiqah_satari@yahoo.com

Abstrak: Ramai pelajar yang mengalami Autisme menunjukkan pencapaian yang rendah dalam kemahiran membaca (Crowley, McLaugh dan Kahn, 2013). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Modul Membaca Fonik Khas (MMFK) dalam kalangan remaja yang mengalami Autisme. MMFK menggunakan kaedah fonik dan strategi pengajaran adalah *errorless learning* dan *scaffolding*. Terdapat tiga latihan disediakan bagi setiap sub unit di dalam modul ini. Kajian ini menggunakan kaedah *single subject multiple baseline across participant* terhadap dua orang subjek yang mendapat pendidikan di sebuah pusat pembelajaran kanak-kanak yang mengalami Autisme dan kajian ini berjalan selama 30 minggu. Pada peringkat awal, kesemua subjek masih belum menguasai asas kemahiran membaca, intervensi fasa 1 menggunakan MMFK dan intervensi fasa 2 menggunakan MMFK dan kad imbas. Dapatan kajian mendapati pencapaian kemahiran membaca meningkat dan intervensi fasa 2 menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi daripada intervensi fasa 1. Ini menunjukkan penggunaan MMFK dan kad imbas antara kaedah yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar yang mengalami Autisme tidak bertutur.

Kata kunci: membaca, Autisme, fonik.

Abstract: Many students with autism experience difficulties in reading (Crowley, McLaugh and Kahn, 2013). The aim of this study is to assess the effectiveness of Modul Membaca Fonik Khas (MMFK) among students with non-verbal autism. MMFK use phonics and errorless learning and scaffolding strategies. Three exercises are provided for each sub unit in this module. This research adapt Single subject multiple baseline across participants method with two subjects who attended a children's learning center with autism within 30 weeks period of study. Initially, all the subjects had not mastered the basic Bahasa Melayu reading skill. The intervention in phase 1 used MMFK while phase 2 used MMFK and flashcards. The findings indicate that there is an improvement in basic reading skill and intervention phase 2 showed higher achievement than the intervention phase 1. It shows the use of MMFK and flashcards are effective methods for improving reading skills among adolescents with non-verbal autism.

Keywords: reading, Autism, phonic.

PENDAHULUAN

Setiap pelajar mempunyai hak untuk mendapat pendidikan samada pelajar tipikal mahupun berkeperluan khas. Kemahiran membaca adalah antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar kerana merupakan asas penguasaan dalam bidang akademik. Membaca merupakan proses yang kompleks dan ianya bukan kemahiran yang diperolehi secara semulajadi. Kemahiran ini memerlukan pengamatan pada sistem tulisan dan perkataan serta memadankan kod tersebut kepada bahasa yang dipertuturkan (Lee, Gable dan Klassen 2012).

Kemahiran membaca adalah asas kejayaan akademik dan pembelajaran seumur hidup serta mempengaruhi kehidupan persekitaran sosial kehidupan seseorang individu. Banyak kajian menekankan berkenaan kesan pencapaian kemahiran membaca yang rendah terhadap seseorang individu. Contohnya, individu yang mempunyai tahap membaca yang rendah adalah lebih kurang bernasib baik jika dibandingkan dengan populasi sebaya dengannya dari segi kesihatan,

kewangan, dan jangka hayat (Arciuli, Stevens, Trembath dan Simpson 2013).

Autisme terdiri daripada beberapa ciri iaitu masalah dari segi sosial, komunikasi dan pemikiran yang sukar untuk diubah (Morlock, Reynolds, Fisher dan Comer 2015). Sejak 10 tahun yang lalu, kadar peningkatan individu yang mengalami Autisme adalah sebanyak 78% (Insel 2012). Billstedt, Gillberg dan Gillberg (2005) menyatakan hanya 4% - 12% daripada orang dewasa yang mengalami Autisme hidup secara berdikari.

Kajian mendapati ada diantara pelajar yang mengalami Autisme menunjukkan keunikan iaitu obesitas pada huruf dan menyebabkan mereka memperoleh kemahiran membaca tanpa pembelajaran secara formal yang dikenali sebagai *hyperlexia* (Gabig 2010). Walaubagaimanapun, kebanyakan pelajar yang mengalami Autisme menunjukkan tahap kemahiran membaca yang purata dengan pelajar-pelajar tipikal yang seusia dengan mereka (Gabig 2010).

Pelajar yang mengalami Autisme memerlukan pendidikan secara individu kerana mereka sukar untuk menerima arahan dan membuat keputusan apabila sistem pembelajaran yang dijalankan sama seperti pelajar tipikal (Crowley, McLaughlin, Kahn 2013). Oleh itu pelajar ini memerlukan program pendidikan berdasarkan keperluan pelajar tersebut (Florest, Nelson, Hinton, Strozier, Terry dan Franklin 2013).

PERNYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF KAJIAN

Jacobs dan Richadale (2013) menyatakan pelajar yang menguasai kemahiran membaca yang baik akan menunjukkan potensi yang lebih baik jika dibandingkan pelajar yang mempunyai sejarah defisit dalam kemahiran membaca. Penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan pelajar perlu dipandang serius kerana membari kesan pada penguasaan akademik yang lain.

Pelajar yang mengalami Autisme adalah di antara kategori yang berisiko dengan masalah membaca. Kajian menunjukkan tiga per empat individu yang mengalami Autisme mempunyai masalah intelek (Morlock et al. 2015).

Kajian Asberg, Dahlgren dan Dahlgren (2008) ada melaporkan pelajar yang mengalami Autisme secara umumnya mempunyai masalah untuk mentafsir perkataan dan kefahaman membaca. Pelajar ini memerlukan pendidikan dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan permasalahan yang mereka hadapi.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peningkatan kemahiran membaca menggunakan Modul Membaca Fonik Khas (MMFK) dalam kalangan murid yang mengalami Autisme.

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian eksperimen. Rekabentuk kajian adalah *single subject multiple baseline across participant*. Rekabentuk kajian ini digunakan dalam pendidikan khas sebagai alternatif kepada rekabentuk eksperimen secara berkumpulan.

Pemilihan subjek dalam kajian ini adalah: 1) pelajar yang telah didiagnos Autisme oleh doktor samada di sektor swasta atau kerajaan, 2) berdaftar sebagai pelajar di pusat pembelajaran Autisme dan 3) belum menguasai kemahiran asas membaca.

Subjek 1: Berumur 16 tahun dan didiagnos pada umur 3 tahun. Subjek berdaftar sebagai pelajar di pusat pembelajaran Autisme pada umur 7 tahun.

Subjek 2: Berumur 21 tahun dan didiagnos pada umur 3 tahun. Subjek berdaftar sebagai pelajar di pusat pembelajaran Autisme pada usia 13 tahun.

Kedua-dua subjek adalah pelajar yang mengalami Autisme tahap 3 (memerlukan sokongan yang tinggi) dan tidak bertutur. Kemahiran membaca Bahasa Melayu telah dijadikan objektif Rancangan

Pendidikan Individu (RPI) atas persetujuan ibu bapa subjek sewaktu perbincangan.

Modul Membaca Fonik Khas (MMFK): Modul ini dibina oleh penyelidik-penyelidik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Modul ini menggunakan kaedah fonik dengan melibatkan strategi pengulangan, *scalfolding* dan penglibatan pelajar dalam modul ini. Antara aktiviti di dalam modul ini adalah membunyikan dan membulatkan huruf. Guru akan membaca bersama-sama dengan reponden sebelum reponden menyebut bunyi huruf tersebut secara berdikari. Pelan pengajaran telah dibina sebagai garis panduan kepada guru untuk memberi arahan kepada subjek. Subjek akan diberikan masa selama lima saat untuk memberi tindak balas kepada arahan yang diberikan. Jika subjek tidak memberi tindak balas, guru akan memberi bantuan kepada subjek.

Senarai Semak: Instrumen yang digunakan adalah pemerhatian berdasarkan senarai semak yang telah dibina.

Data *baseline* dan selepas intervensi; Fasa 1: Modul Membaca Fonik Khas; dan Fasa 2: Modul Membaca Fonik Khas dan kad imbas akan direkodkan untuk melihat peningkatan kemahiran asas membaca.

Jadual 1: Senarai asas kemahiran membaca berdasarkan Modul Membaca Fonik Khas


Unit	Kemahiran	Unit	Kemahiran
1	Pengenalan kepada 'a'	18	Pengenalan kepada 'ku'
2	Pengenalan kepada 'i'	19	'ka' vs 'ku'
3	'a' vs 'i'	20	'ki' vs 'ku'
4	Pengenalan kepada 'u'	21	'ka' vs 'ki' vs 'ku'
5	'a' vs 'u'	22	Pengenalan kepada 'mama'
6	'i' vs 'u'	23	Pengenalan kepada 'umi'
7	'a' vs 'i' vs 'u'	24	Pengenalan kepada 'mami'
8	Pengenalan kepada 'ma'	25	Pengenalan kepada 'aki'
9	Pengenalan kepada 'mi'	26	Pengenalan kepada 'aku'
10	'ma' vs 'mi'	27	Pengenalan kepada 'kaki'
11	Pengenalan kepada 'mu'	28	Pengenalan kepada 'kuku'
12	'ma' vs 'mu'	29	Pengenalan kepada 'kaku'
13	'mi' vs 'mu'	30	Pengenalan kepada 'maka'
14	'ma' vs 'mi' vs 'mu'	31	Pengenalan kepada 'muka'
15	Pengenalan kepada 'ka'	32	Pengenalan kepada 'kami'

16	Pengenalan kepada 'ki'	33	Pengenalan kepada 'kamu'
17	'ka' vs 'ki'		

DAPATAN KAJIAN

Kemahiran membaca subjek menggunakan Modul Membaca Fonik Khas dapat dilihat dalam Rajah 1 iaitu data *baseline* dan intervensi. Kajian ini dijalankan selama selama 30 minggu.

Rajah 1: Data baseline dan intervensi Fasa 1 dan 2



Rajah 1 menunjukkan data *baseline* bagi dua orang subjek. Data *baseline* menunjukkan subjek belum menguasai asas membaca Bahasa Melayu. Terdapat dua fasa intervensi dijalankan. Fasa 1 adalah penggunaan Modul Membaca Fonik Khas di mana peningkatan kemahiran asas membaca adalah rendah. Subjek 1 menunjukkan peningkatan sebanyak dua unit sahaja pada minggu ke 14 manakala subjek 2 menunjukkan peningkatan 1 unit pada minggu ke 15.

Seterusnya, pengkaji telah menggunakan MMFK dan kad imbas pada Fasa 2. Subjek 1 dapat menguasai 7 unit pada minggu ke 30 manakala subjek 2 menguasai 4 unit pada minggu ke 30. Kajian ini dijalankan secara individu.

Kedua-dua subjek adalah tidak boleh bertutur. Subjek 1 menunjukkan peningkatan yang lebih baik daripada subjek 2. Di mana usia subjek 1 lebih muda daripada subjek 2. Subjek 2 juga mempunyai masalah hypersensitif pada bunyi dan agak sukar untuk menerima arahan yang diberikan.

PERBINCANGAN

Hasil kajian yang telah diperolehi, pengkaji mendapati kad imbas membantu meningkatkan kemahiran membaca pelajar yang mengalami Autisme. Kad imbas adalah mudah dan senang untuk digunakan bagi memudahkan pelajar membezakan huruf atau perkataan yang dipelajari (Kupzyk, Daly dan Andersen 2011). Kad imbas merupakan kaedah yang berkesan untuk mengajar kemahiran akademik peringkat sekolah rendah dan menengah untuk kanak-kanak yang mengalami ketidakupayaan intelektual (Crowley, McLaughlin dan Kahn, 2013).

Kedua-dua subjek adalah pelajar yang mengalami Autisme tidak bertutur. Subjek mengalami kesukaran untuk menyebut bunyi huruf 'a' dengan baik. Subjek tertumpu dengan bentuk mulut guru apabila guru menyebut bunyi huruf 'a'. Catts, Fey, Tromblin dan Zhang (2002) menyatakan pelajar yang mengalami masalah pertuturan

adalah enamkali ganda kesukaran untuk belajar membaca berbanding dengan pelajar tipikal yang lain.

Guru akan mentafsir tahap pencapaian pelajar sebelum menggunakan MMFK dimana pelajar akan diajar bermula dari tahap pencapaian dan kemampuan pelajar. Guru akan mengajar unit baru apabila pelajar telah menguasai sepenuhnya unit sebelumnya. Ini merupakan strategi *scaffolding* yang diaplikasikan dalam MMFK. Strategi *scaffolding* merupakan sistem bantuan dan model bagi merangsang perkembangan bahasa. Guru perlu mentafsir dan memberi tindak balas berdasarkan tahap pencapaian seorang pelajar (Bellon-harn, dan Harn 2008).

MMFK menyediakan strategi pembelajaran iaitu mengandungi arahan khusus sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. ciri-ciri khusus arahan (seperti pembelajaran errorless) yang berkaitan dengan hasil yang lebih baik telah didokumenkan. (Weiss, Fiske dan Suzannah t.t).

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dan analisis data yang dijelaskan sebelumnya, maka pengkaji menyimpulkan terdapat kesan penggunaan kaedah fonik, dan strategi pengajaran *errorless learning* serta *scaffolding* terhadap kemahiran asas membaca atas pelajar yang mengalami Autisme.

Penggunaan kad imbas dan latihan berulang dalam kajian ini meningkatkan lagi kemahiran membaca. Oleh itu, penggunaan Modul Membaca Fonik Khas beserta kad imbas memberi impak dan boleh digunakan atas pelajar-pelajar berkeperluan khas yang lain.

Secara keseluruhan, kemahiran asas membaca memainkan peranan penting dan intervensi awal perlu dijalankan seawal yang mungkin. Kaedah fonik melibatkan strategi pengulangan, *scaffolding* dan penglibatan pelajar dalam modul ini dapat meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid yang mengalami Autisme. Oleh itu, Modul Membaca Fonik Khas ini berpotensi digunakan untuk mengajar murid-murid bermasalah pembelajaran di negara ini dalam meningkatkan kemahiran membaca.

Cadangan

Hasil analisis dan kesimpulan kajian, pengkaji memberi beberapa cadangan berikut: (1) intervensi awal perlu dijalankan seawal yang mungkin untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas kerana kebanyakan masalah membaca dapat dielakkan atau dikurangkan melalui intervensi awal. Peningkatan kemahiran membaca adalah lebih tinggi jika diajar di awal usia jika dibandingkan dengan usia remaja; (2) Guru perlu diberi pendedahan berkenaan dengan kaedah membaca iaitu fonik dan strategi pengajaran iaitu *errorless learning* dan *scaffolding*. Pembelajaran dan pengajaran untuk pelajar berkeperluan khas perlu bersesuaian dengan kemampuan dan keperluan setiap pelajar. Diharapkan kajian berkenaan dengan kemahiran membaca dalam

kalangan pelajar berkeperluan khas dapat dipertingkatkan.

RUJUKAN

- Arciuli, J., Stevens, K., Trembath, D. & Simpson, I. C. 2013. The relationship between parent report of adaptive behavior and direct assessment of reading ability in children with autism spectrum disorder. *Journal of Speech, Language, and Hearing Research*, 56, 1837–1845.
- Asberg, J., Dahlgren, S.O. & Dahlgren Sandberg, A. 2008. Basic reading skills in high-functioning Swedish children with autism spectrum disorders or attention disorder. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 2, 95-109.
- Billstedt E, Gillberg C, and Gillberg C (2005) Autism after adolescence: Population-based 13–22 year follow-up study of individuals with autism diagnosed in childhood. *Journal of Autism and Developmental Disorder* 35, 351–360.
- Crowley, K., McLaughlin, T. & Kahn, R. 2013. Using Direct Instruction flashcards and reading racetracks to improve sight word recognition of two elementary students with autism. *Journal of Developmental and Physical Disabilities*, 25(3), 297–311.
- Flores, M. M., Nelson, C., Hinton, V., Franklin, T. M., Strozier, S. D., Terry, L. & Franklin, S. 2013. Teaching Reading Comprehension and Language Skills to Students with Autism Spectrum Disorders and Developmental Disabilities Using Direct Instruction. *Education and Training in Developmental Disabilities*, 48(1), 41–48.
- Gabig, C. S. 2010. Phonological Awareness and Word Recognition in reading by children with autism. *Communication Disorders Quarterly*, 31(2), 67–85.
- Insel T (2012, March 29) Autism prevalence: More affected or more detected? [web log post]. Diperoleh daripada: <http://www.nimh.nih.gov/about/director/2012/autism-prevalence-more-affected-or-more-detected.shtml>.
- Jacobs, D. W. & Richdale, A. L. 2013. Research in Developmental Disabilities Predicting literacy in children with a high-functioning autism spectrum disorder. *Research in Developmental Disabilities*, 34(8), 2379–2390.
- Kupzyk, S., Daly, E. J. & Andersen, M. N. 2011. A Comparison of Two Flash-Card Methods for Improving Sight-Word Reading. *Journal of Applied Behavior Analysis*, 44(4), 781–792.
- Lee, G.-L., Gable, R. & Klassen, V. K. 2012. Effective Reading Remediation Instructional Strategies for Struggling Early Readers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 822–827.

- Morlock, L., Reynolds, J. L., Fisher, S. & Comer, R. J.
2015. Video modeling and word identification in adolescents with Autism Spectrum Disorder. *Child Language Teaching and Therapy*, 31(1), 101–111.
- Weiss, M. J., Fiske, K. F. & Suzannah. (t.t.). *Spectrum Disorders. Clinical Assessment and Intervention for Autism Spectrum Disorders*, hlm.First Edit. Elsevier Inc.

